

Keluarga Malaysia semangat kekeluargaan dalam pentadbiran

BH- 24/10/2021 ml: 2

Idea usaha kerajaan pelihara kepentingan, kesejahteraan rakyat: PM

Oleh Saiful Haizan Hassam, Mohd Roji Kawi dan Muhammad Yusri Muzamir
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Idea Keluarga Malaysia yang diilhamkan kerajaan bukan retorik atau slogan semata-mata, tetapi adalah semangat yang diterapkan dalam pentadbiran negara di mana kepentingan dan kesejahteraan rakyat dipelihara seperti menjaga sebuah keluarga, kata Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob.

Mengambil contoh sebuah keluarga, Perdana Menteri berkata, andai ada dalam kalangan anak-anak yang lemah dari segi pembelajaran, sudah tentu akan diberi lebih tumpuan, apatah lagi jika ada ahli keluarga kurang bernasib baik dalam kehidupan, pasti mereka akan dibantu dan tidak dibiarkan bersendirian.

“Begitu juga dalam pentadbiran kerajaan pada hari ini. Keluarga Malaysia seperti golongan B40 dan M40 yang terkesan akibat pandemik, akan terus diberi fokus dan keutamaan dalam mendapat manfaat bantuan kerajaan.

“Sejajar dengan ini, pembangunan sosioekonomi negara, di negeri yang kurang membangun akan terus diberi keutamaan. Sarawak antara enam negeri selain Sabah, Kelantan, Terengganu, Kedah dan Perlis yang diberi tumpuan khusus bagi merapatkan jurang pembangunan eko-

nomi antara negeri, wilayah, bandar dan luar bandar.

“Ia agar kemakmuran ekonomi dinikmati secara adil dan saksama,” katanya berucap pada majlis pelancaran Keluarga Malaysia di Pusat Konvensyen Borneo di Kuching, Sarawak yang disiarkan secara langsung malam tadi.

Katanya, sekurang-kurangnya 50 peratus daripada keseluruhan peruntukan pembangunan asas Persekutuan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 (RMK-12) akan diagih kepada enam negeri berkenaan, membabitkan penyediaan infrastruktur asas, pendigitalan, pendidikan, perkhidmatan penjagaan kesihatan dan pembangunan ekonomi.

Perdana Menteri menjelaskan, pendekatan sama juga akan menjadi inti pati Bajet 2022 yang akan dibentangkan pada minggu hadapan.

“Dalam merealisasikan matlamat Keluarga Malaysia yang menekankan nilai keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran, kerajaan akan memantau secara dekat pelaksanaan program dan inisiatif yang dirancang, khususnya di Sabah dan Sarawak dalam usaha memastikan kita sama-sama membangun sebagai sebuah Keluarga Malaysia,” katanya.

Mengenai cabaran berdepan pandemik COVID-19, Ismail Sabri mengakui, tempoh dua tahun kebelakangan ini adalah tahun paling sukar dengan kehadiran virus berbahaya yang tidak pernah diduga bersama kesan yang tidak terbayang oleh akal fikiran dengan nilai kemanusiaan dan keluarga pula menjadi perisainya.

“Di sebalik musibah terselindung rahmat yang tersirat. Hampir dua tahun mendepani COVID-19, kita dapat melihat kebersamaan petugas barisan hadapan, syarikat milik kerajaan dan swasta, pertubuhan bukan kera-

jaan (NGO), bahkan individu Keluarga Malaysia berganding bahu membantu kerajaan memerangi pandemik.

“Keluarga Malaysia adalah manifestasi paling andal sebagai panduan untuk memulihkan negara. Toklah keluarga kita yang idup aman dan sejahtera. Kita semua tok Keluarga Malaysia (Inilah keluarga kita yang hidup aman dan sejahtera. Kita semua ini Keluarga Malaysia),” katanya,

Beliau mengajak rakyat teguh bersama mendepani apa juga dugaan dengan integrasi nasional silang budaya, merangkumi masyarakat Melayu, Cina, India, Orang Asli, 27 etnik Bumiputera Sarawak antaranya Iban, Orang Ulu, Melanau dan Bidayuh serta 42 etnik dan lebih 200 sub etnik Anak Negeri Sabah, antaranya suku kaum Kadazan, Dusun, Murut, Rungus dan Bajau.

Perdana Menteri menjelaskan, tiga teras utama digariskan di bawah lembayung Keluarga Malaysia, iaitu Keterangkuman, Kebersamaan dan Kesyukuran akan menjunjung nilai-nilai Keluarga Malaysia berpaksikan Keluhuran Perlembagaan Persekutuan seperti yang termaktub dalam Rukun Negara.

“Alhamdulillah, perjuangan kita ini mula menampakkan sinarnya. Dengan semangat Keluarga Malaysia, hari ini kita dapat melihat trend penurunan kes jangkitan COVID-19 harian sekitar 5,000 kes berbanding lebih 23,000 kes sebelum ini.

“Program Imunisasi COVID-19 Kebangsaan (PICK) juga mencapai lebih 94.4 peratus populasi dewasa dan PICK Remaja merekodkan 46.3 peratus remaja yang telah lengkap menerima dos vaksin. Fasa pemberian dos pengalag juga telah dimulakan di Sarawak bertuah ini.

“Dengan izin Allah SWT, saya yakin Malaysia berada di landasan yang tepat dalam peralihan ke fasa endemik dalam masa terdekat ini,” katanya.

Katanya, pelbagai program dan inisiatif yang telah dan akan dilaksanakan di bawah payung Keluarga Malaysia, termasuklah Rumah Ikram Keluarga Malaysia, Skuad Keluarga Malaysia, Pakej Peranti Keluarga Malaysia, Pakej Penjagaan COVID-19 Keluarga Malaysia, Keluarga Malaysia Siaga Bencana, Yayasan Kebajikan Siswa Keluarga Malaysia dan Residen Rumah Keluarga Malaysia.

“Inilah program dan inisiatif Keluarga Malaysia, di mana setiap Kementerian akan memperkenalkan sekurang-kurangnya satu program dan inisiatif yang bermatlamat membantu mengurangkan kesan ekonomi yang ditanggung rakyat. Saya berharap ia turut disokong oleh kerajaan negeri.

“Justeru, suka saya ingatkan agar setiap ahli Jemaah Menteri dan Kementerian-kementerian untuk terus konsisten memberi tumpuan kepada program serta inisiatif yang melimpahkan kesejahteraan dan manfaat kepada seluruh Keluarga Malaysia. Ini adalah tanggungjawab utama yang telah saya amanahkan kepada mereka,” katanya.

Bagi memantau pelaksanaan konsep Keluarga Malaysia, Keberhasilan Kebahagiaan atau *Key Happiness Outcome* (KHO) diperkenalkan bagi melengkapi Petunjuk Prestasi Utama (KPI), kedua-duanya tanda komitmen komitmen dan kesungguhan kerajaan untuk membawa negara keluar daripada kelelahan pandemik.

“Bahkan, ia akan memperbaiki kedudukan negara dalam carta Indeks Kebahagiaan Dunia atau *World Happiness Report* di mana kita kini berada di kedudukan ke-81 pada 2021,” kata Perdana

Menteri yang turut berkongsi kisah 13 anak dari dua keluarga yang hilang tempat bergantung dan berpaut kasih apabila kematian ibu bapa akibat COVID-19.

Kisah pertama mengenai Nazurah Nabilah Benyajeed, 19, yang terpaksa menjaga tujuh adik, manakala Hadrami Hasil, 11, pula sudah menjadi ketua keluarga untuk meneruskan kelangsungan hidup bersama empat adiknya, termasuk adik bongsu yang baru berusia 3 tahun.

“Anak-anak ini antara 5,173 anak Keluarga Malaysia yang menjadi yatim dan yatim piatu kerana COVID-19. Bayangkan, betapa besarnya tanggungjawab digalas mereka. Yang hilang bukan sahaja ibu bapa, bahkan waktu-waktu bahagia, membesar sebagai kanak-kanak biasa.

“Saya ingin menyeru seluruh Keluarga Malaysia untuk berkongsi kasih sayang dengan anak-anak ini agar mereka dapat menikmati kehidupan seperti rakan seusia,” katanya turut melancarkan Yayasan Keluarga Malaysia bagi membantu anak berkenaan, terutama dari aspek pendidikan sehingga mencapai usia 18 tahun.

Ismail Sabri menegaskan, Yayasan Keluarga Malaysia adalah manifestasi kasih sayang seluruh Keluarga Malaysia yang dizahirkan bersama untuk anak-anak yang terkesan akibat pandemik dan akan melebar sayap perlindungan kepada anak-anak lain yang turut memerlukan sokongan seumpamanya.

“Inilah maksud keterangkuman, kebersamaan dan kesyukuran dalam Keluarga Malaysia. Saya menyeru seluruh Keluarga Malaysia bersama membantu generasi ini. Harapan saya, dengan adanya Yayasan Keluarga Malaysia, tidak ada lagi anak Keluarga Malaysia terpaksa melalui penderitaan bersendirian,” katanya.